

# Jenamakan Pulau Besar sebagai pulau bebas cukai patuh syariah berteknologi hijau

*Rancakkan lagi industri pelancongan Melaka*

December 3, 2019 5:16 pm 0

AYER KEROH 3 Dis. – Pulau Besar bakal dijenamakan menjadi pulau bebas cukai patuh syariah berteknologi hijau sedikit masa lagi.

Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Seri Hasim Hasan berkata, projek pembangunan dan penjenamaan semula ini bakal menyaksikan Pulau Besar dan pulau-pulau sekitarnya akan dibangunkan sebagai satu destinasi pelancongan baharu yang mampu menarik pelancong datang ke sini.

Tambahnya, melalui penjenamaan ini juga, pelbagai tarikan aktiviti, produk dan perniagaan baharu yang baharu bakal diwujudkan untuk membangunkan semula pulau ini dan merancakkan lagi industri pelancongan di Melaka.

“Tujuan membangunkan Pulau Besar dan pulau-pulau sekitar ini adalah kerana kita perlukan satu destinasi pelancongan baharu memandangkan kita tidak boleh hanya bergantung kepada produk sedia ada. Jika kita hanya bergantung kepada yang ada sahaja, lama-lama orang akan jemu dan cari alternatif lain.

“Jika kita lihat kembali rekod, Pulau Besar sehingga hari ini tidak dapat tarik ramai pelancong walaupun mempunyai resort penginapan, padang golf dan pelbagai tarikan lain. Kenapa? Jawapan itulah yang kita perlukan.

“Oleh sebab itulah Pulau Besar dan pulau-pulau sekitarnya ini memerlukan satu penjenamaan baharu melalui aktiviti berkaitan pelancongan dan pengenalan produk pelancongan dan perniagaan baharu dan bersesuaian untuk merancakkan lagi kehadiran pelancong.

“Untuk itu, kerajaan negeri telah mencadangkan beberapa pembangunan yang sesuai melalui penjenamaan baharu ini seperti status pulau bebas cukai patuh syariah berteknologi hijau, penjualan coklat, pembinaan terminal jeti baharu, pembinaan masjid terapung, aktiviti sukan air, taman tema dan rekreasi serta infrastruktur lain seperti jalan raya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis menandatangi memorandum persefahaman (MoU) bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Perak di Seri Negeri, sebentar tadi.

Hadir sama Rektor UiTM cawangan Perak, Dr. Md Yusof Hamid.

Hasim berkata, MoU yang terjalin itu ialah sebagai satu kerjasama di antara kerajaan negeri dan UiTM cawangan Perak berhubung penyediaan Masterplan Pembangunan dan Penjenamaan Semula Pulau Besar.

Jelasnya, pemilihan UiTM cawangan Perak untuk menyediakan masterplan ini adalah bertepatan memandangkan mereka mempunyai

tenaga pakar dalam bidang seni bina, perancang bandar dan ukur, selain turut mendapat pelbagai pengiktirafan dalam bidang ini.

“Selain bertidak sebagai penyediaan masterplan, pihak UiTM juga akan bekerjasama dengan Majlis Pembangunan Pulau-Pulau Melaka (MPPM) yang ditubuhkan kerajaan negeri dan bertanggungjawab membentangkan cadangan dan perancangan pembangunan selain berperanan menetapkan ciri infrastruktur yang akan dibangunkan.

“Memandangkan kerajaan negeri telah menujuhkan MPPM ini, masterplan yang telah siap ini kelak dijadikan dokumen oleh MPPM dan pemilik tanah untuk memacu pembangunan Pulau Besar dan pulau-pulau sekitar secara sistematik, terancang serta selamat selaras dengan konsep Pulau Bebas Cukai Patuh Syariah Berteknologi Hijau,” katanya lagi.